

23 DEC 1998

Agong-Berbuka (Bergambar)

AGONG DAN PERMAISURI RAI PARA MENTERI BERBUKA PUASA

KUALA LUMPUR, 23 Dis (Bernama) -- Yang di-Pertuan Agong Tuanku Ja'afar dan Raja Permaisuri Agong Tuanku Najihah meraikan para menteri dan pegawai tinggi kerajaan pada majlis berbuka puasa di Istana Negara di sini malam ini.

Turut hadir ialah Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan isteri Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohamad Ali.

Antara tetamu kenamaan lain yang hadir memeriahkan majlis itu ialah Menteri Belia dan Sukan Tan Sri Muhyiddin Yassin, Menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk Abdul Hamid Othman dan Yang Dipertua Dewan Negara Tan Sri Mohd Yaacob serta isteri masing-masing.

Beberapa timbalan menteri juga hadir termasuk Timbalan Menteri Pengangkutan Datuk Mohd Ali Rustam dan Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan Datuk Idris Jusoh.

Turut hadir ialah duta-duta dan ketua-ketua perwakilan asing yang beragama Islam.

Sejurus selepas berbuka, Tuanku Ja'afar dan Tuanku Najihah menyertai para tetamu menunaikan solat maghrib.

-- BERNAMA

ZAB RHM